

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, September 17, 2019 8:35 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: K3P Bina Karakter, Serlah Potensi Pelajar



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

17 SEPTEMBER 2019 / 17 MUHARAM 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

K3P BINA KARAKTER, SERLAH POTENSI PELAJAR



UUM ONLINE: Para peserta dari 63 buah sekolah di seluruh Kedah berpeluang menimba pengalaman bermakna dalam Karnival Kelab Program Pelancongan Pelajar (K3P) Peringkat Negeri Kedah di Kem Sintok, baru-baru ini.

Pengarah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Negeri Kedah, Anuar Razak berkata, tujuan program ini diadakan di UUM adalah untuk memberi pendedahan awal kepada para pelajar mengenai kehidupan seorang pelajar di universiti di samping memperkenalkan tempat menarik yang ada dalam UUM.

"Tahniah kepada peserta yang mewakili sekolah ke program kali ini, pendedahan dalam program ini turut menanamkan sifat keyakinan dan jati diri yang tinggi, mengeratkan silaturahim serta menimbulkan kesedaran betapa pentingnya pendidikan di dalam hidup.

“Pertandingan ini akan memberi impak positif kerana tidak semua daripada kita mampu membuat persembahan di depan khalayak ramai dalam suasana rasmi,” katanya.

Beliau berkata, aktiviti seumpama ini menyumbang potensi yang sangat besar kepada pembinaan karakter pelajar dan dapat melihat cara mereka berfikir, kepantasan menghuraikan fakta dan kreativiti dalam meningkatkan pengetahuan tentang tempat menarik di negara ini.

Menurutnya, jangan menggunakan kemahiran dan pengetahuan yang ada dalam diri untuk disia-siakan dan mencemarkan imej Malaysia di mata dunia kerana kesannya bukan sahaja mempengaruhi para pelancong untuk tidak datang ke Malaysia, malah boleh menjejaskan kemakmuran negara.

“Dengan penganjuran ini, saya berharap dapat memberi kesedaran kepada guru dan pelajar tentang misi nasional negara ke arah Tahun Melawat Malaysia 2020 yang menyasarkan kedatangan 30 juta pelancong dan menjana pendapatan negara sebanyak RM100 bilion,” katanya.

Karnival tersebut melibatkan seramai 398 peserta terdiri daripada pelajar (ahli Kelab Pelancongan Pelajar Sekolah) dan guru, selain dibantu 74 sukarelawan pelancongan di kalangan mahasiswa dan pegawai UUM.

MOTAC memilih Kem Sintok UUM sebagai lokasi penganjuran karnival 3 hari 2 malam kerana lokasinya yang menarik dan sesuai untuk acara seperti 'Tourism Explore Race', pertandingan video promosi program dan pertandingan Bintang K3P, selain aktiviti Pembinaan Kumpulan, Jom Masuk U dan lawatan ke destinasi menarik di UUM.

Tambah beliau, K3P telah dilancarkan pada 2001 sehingga kini terdapat 1,352 kelab pelancongan yang ditubuhkan di sekolah menengah di seluruh negara.

“Penubuhan kelab ini bermatlamat untuk mempromosikan aktiviti pelancongan domestik bagi memupuk budaya melancong ke tempat bersejarah, kebudayaan dan eko pelancongan dalam kalangan pelajar di samping menghindari gejala sosial yang semakin meningkat melalui pengisian masa lapang secara bijak dan berfaedah,” katanya.

Sementara itu, Dekan Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara (STHEM), Dr. Johan Afendi Ibrahim merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) Kedah dan Jabatan Pendidikan Negeri kerana memilih UUM sebagai lokasi penganjuran.

“Sepanjang 3 hari 2 malam di UUM, pelajar dan guru didedahkan dengan pelbagai aktiviti serta menggunakan fasiliti dan mengunjungi tempat tarikan yang terdapat di UUM seperti Padang Kawad, Hutan Sintok dan Pusat Kayak UUM.

“Tahun depan Malaysia akan menganjurkan Tahun Melawat Malaysia atau TMM 2020, UUM tidak ketinggalan kerana universiti ini telah dipilih sebagai destinasi *edutourism* sejak tahun 2013 lagi.

“Pada 2016, UUM juga telah menganjurkan Tahun Melawat UUM dan telah menerima sejuta pengunjung yang masuk ke UUM pada tahun itu,” katanya.

Beliau berkata, UUM mempunyai banyak produk pelancongan menarik dan peserta hanya meneroka sebahagian kecil sahaja Kampus Di Rimba Hijau.

Beliau berharap program ini dapat memberikan kenangan yang indah kepada semua peserta dan MOTAC terus memilih UUM sebagai lokasi program seterusnya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.